

PILIHAN PENGGUNA TERHADAP JENIS JAGAAN ANAK: ANALISIS MULTINOMIAL LOGIT

Norehan Abdullah
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Pasaran buruh hari ini memperlihatkan ramai wanita, khususnya yang berkahwin melibatkan diri dalam sektor pekerjaan. Bagi wanita berkahwin yang bekerja dan mempunyai anak kecil, masalah yang kerap menjadi keutamaan ialah isu yang berkaitan jagaan anak. Sehubungan itu, kajian ini cuba menghuraikan masalah pilihan pengguna terhadap khidmat jagaan anak dengan menganalisis pemilihan jenis jagaan anak oleh wanita berkahwin yang mempunyai anak berumur 6 tahun atau kurang. Menggunakan data primer, pemilihan jenis jagaan ini dianggar menggunakan Model Multinomial Logit (MNL). Sampel kajian terdiri daripada wanita berkahwin atau pernah berkahwin dan berada dalam lingkungan umur bekerja, iaitu 15 hingga 64 tahun yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar. Terdapat empat jenis jagaan anak yang dibincangkan iaitu jagaan sendiri, ahli keluarga, jiran atau pengasuh, serta jagaan formal-berbayar. Selain faktor demografi dan lokasi, pemboleh ubah bebas lain yang dimasukkan dalam penganggaran ialah kos jagaan anak, kadar upah, kesediaan jagaan anak, faktor suami dan bilangan anak dalam isi rumah. Hasil analisis MNL menunjukkan bahawa jagaan oleh ahli keluarga masih menjadi pilihan jagaan yang paling digemari selain jagaan sendiri. Bagi ibu bekerja yang berpendidikan tinggi,

kebarangkaliannya memilih dan mengguna jenis jagaan formal adalah lebih tinggi dan pilihan ini kekal walaupun kos jagaan anak meningkat. Kos jagaan anak didapati mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap kebarangkalian memilih jenis jagaan anak formal.

Kata kunci: pemilihan jenis jagaan anak, kesediaan jagaan, kos, MNL

Pengenalan

Senario pada hari ini memperlihatkan ramai wanita, khususnya yang berkahwin melibatkan diri dalam sektor pekerjaan. Apabila penduduk wanita mewakili separuh daripada jumlah populasi negara dan terdapat ramainya enrolmen wanita di pusat pengajian tinggi, negara diramalkan akan menerima lebih banyak penyertaan tenaga kerja wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000; 2007). Bagi wanita bekerja yang mempunyai anak kecil, aspek jagaan anak mewakili sebahagian besar kos guna tenaga dan mungkin juga sebab yang menjelaskan kadar penyertaan tenaga buruh wanita ini yang rendah dalam pasaran buruh. Pada tahun 2002, contohnya, kadar penyertaan tenaga buruh wanita hanya berjumlah 46.7 peratus berbanding dengan kadar penyertaan kaum lelaki, iaitu sebanyak 81.5 peratus (Kementerian Sumber Manusia, 2003). Bagi

